

2

Jenis Sumber Maklumat Elektronik

JENIS SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK

Sumber maklumat elektronik merupakan terminologi yang digunakan untuk menghuraikan mengenai bahan yang mengandungi data atau program komputer yang diproses (*encoded*) untuk pembacaan dan dihubungkan kepada Internet (AACR2). Sumber elektronik meliputi aplikasi perisian, teks elektronik, pangkalan data bibliografik, pangkalan data teks penuh dan enjin pencari.

Buku Elektronik (e-Buku)

Buku atau dokumen secara asasnya digunakan sebagai media komunikasi maklumat yang memuatkan fakta, bahan pengajaran, bahan penulisan dan pelbagai lagi. Oleh itu, buku elektronik atau e-buku merujuk kepada bahan dalam format digital yang disusun dan dipersembahkan kepada pengguna untuk memudahkan proses merujuk kepada bahan. Definisi lain bagi e-buku ialah versi digital

bagi buku dalam format bercetak yang direka bentuk agar boleh dibaca menggunakan komputer atau alat pembacaan khusus (Reitz, 2004). Pangkalan data e-buku yang kini terdapat di pasaran meliputi *NetLibrary e-Books, Ebrary, Springer e-Books, 24x7, Safari Books, Electronic Book Library (EBL), Gale Virtual Reference Library, Oxford Reference Online, McGrawHill Access Engineering, McGraw Hill Access Science, Emerald Books, MyiLibrary, Elsevier Reference Work dan Sage e-Reference*.

Jurnal Elektronik (e-Jurnal)

Jurnal elektronik merupakan versi digital kepada jurnal bercetak atau kandungan jurnal yang diterbitkan secara elektronik. Jurnal elektronik boleh dicapai secara atas talian melalui web, e-mel atau pelbagai kaedah menggunakan Internet (Reitz, 2004). Kebanyakan jurnal elektronik yang dilanggan oleh perpustakaan pada masa kini ditawarkan secara terus melalui perkhidmatan atas talian penerbit. Ini meliputi pakej jurnal elektronik seperti *SpringerLink* yang ditawarkan oleh *Springer, ScienceDirect* oleh *Elsevier, ACM Digital Library* oleh *Association of Computing Machinery (ACM), IEEE Explore* oleh *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE), Emerald Management Extra* oleh *Emerald* dan banyak lagi. Berdasarkan contoh berikut, jurnal elektronik kini ditawarkan oleh penerbit ilmiah, komersil, badan profesional, penerbit universiti dan pelbagai lagi. Selain itu, terdapat pembekal perkhidmatan yang menawarkan langganan kepada jurnal elektronik secara individu seperti *Elsevier Science* melalui langganan pakej *Core Titles, Wiley Interscience, OCLC* melalui pakej *Electronic Collections Online (ECO)* dan pelbagai penerbit komersil serta ilmiah yang lain.

Tesis Elektronik (e-Tesis)

E-Tesis didefinisikan sebagai tesis peringkat sarjana dan kedoktoran yang diperolehi dalam format digital atau diimbas daripada naskhah